

IPOH, 24 JUN (BERNAMA) - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN **MUNGKIN** MEMPERKENALKAN SATU UNDANG-UNDANG ANTI-**KEKOTORAN BARU** UNTUK MENDISIPLINKAN RAKYAT SUPAYA LEBIH BERSIH DAN SIHAT.

KATANYA, **MUNGKIN** 'DI BAWAH UNDANG-UNDANG **ITU, SESIAPA** YANG MELAKUKAN **KEKOTORAN** AKAN **DIDENDA** DAN DIHUKUM SUPAYA MEMBERSIHKAN KAWASAN-KAWASAN YANG MEREKA KOTORI.

CARA INI BUKAN SAHAJA MEMBERI PENGAJARAN KEPADA ORANG RAMAI TETAPI **JUGA** AKAN DAPAT MENGUBAH SIKAP MEREKA SECARA **POSITIF**, KATA **PERDANA** MENTERI.

TINDAKAN **ITU** BUKANLAH **SATU** TINDAKAN YANG **MELULU** KERANA UNDANG-UNDANG SEUMPAMA **ITU** TELAH DILAKSANAKAN **DI** NEGARA-NEGARA **MAJU**, **KATANYA** **PADA** MAJLIS PELANCARAN PROGRAM BERSIH DAN INDAH PERINGKAT KEBANGSAAN **1990** **DI** PADANG BANDARAYA **IPOH**, GREENTOWN **DI** SINI.

PROGRAM **ITU**, YANG BERTEMAKAN **+RAKYAT BERSIH NEGARA SIHAT+**, BERTUJUAN MENXNGKATKAN **MUTU** DAN **KUALITI HIDUP** MELALUI KEBERSIHAN DAN PENGINDAHAN **ALAM** SEKITAR DAN **SEBAGAI** **PERMULAAN TUMPUAN** AKAN DIBERIKAN TERHADAP **PIHAK** BERKUASA **TEMPATAN** **DI** SELURUH NEGARA. -- LAGI
1147MST 24 06 90

D532

R 8518 BAH
MAHATHIR - KOTOR 2 IPOH

KEMENTERIAN **PERUMAHAN** DAN KERAJAAN TEMPATAN DIBERIKAN TANGGUNGJAWAB MERANGKA PROGRAM **ITU**, YANG AKAN DIJALANKAN SELAMA LIMA **TAHUN**, MEMANDANGKAN PELBAGAI **KEMPEN** KEBERSIHAN YANG DIJALANKAN SELAMA INI KURANG BERKESAN.

PERDANA MENTERI **BERKATA**, PELAKSANAAN PROGRAM **ITU** DIJANGKA DAPAT MENGATASI KELEMAHAN-KELEMAHAN USAHA-USAHA SEBELUM **INI** DAN BERHARAP PROGRAM **INI**, YANG DIRANCANG DENGAN BEGITU TELITI DAN MENYELURUH MAMPU MEMBAWA KESAN LEBIH MENDALAM DAN BERTERUSAN.

BELIAU MENGAKUI WALAUPUN PELBAGAI **KEMPEN** DIJALANKAN OLEH KERAJAAN BERKAITAN DENGAN KEBERSIHAN DAN **KEINDAHAN**, **MASIH** TEROAPAT RAMAI LAGI RAKYAT YANG TIDAK MENGAMBIL **BERAT** MENGENAI PERKARA ITU.

KEADAAN **INI** **MUNGKIN** BERLAKU KERANA TERDAPAT SEGOLONGAN RAKYAT YANG **MEMPUNYAI** **TABIAT** TIDAK **MEMPEDULIKAN** KEBERSIHAN DAN **KEINDAHAN**, TEGASNYA. -- LAGI

1148MST 24 06 90

0539

R 8523 BAH
MAHATHIR - KOTOR 3 IPOH

+KALAU SUKAPUN, ADA PULA MEREKA YANG **MENGGUNAKAN +DOUBLE STANDARD+** -- MEMENTINGKAN KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN **DI** RUMAH **MASING-MASING** TETAPI **DI** LUAR **RUMAH**, MEREKA **TIDAK** MENGAMBIL **BERAT** **TENTANG** KEBERSIHAN DAN MEMBUANG SAMPAH **DI** **MANA-MANA** MEREKA **SUKA**, **+UJARNYA**.

KATANYA, **TABIAT** **ITU** PERLU DIKIKIS DAN DIBENDUNG MELALUI PROGRAM-PROGRAM BERCORAK PENDIDIKAN YANG MEMBERI KESEDARAN KEPADA MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN **JUGA** **MEMPUNYAI** DIMENSI EKONOMI KERANA IA BOLEH MEWUJUDKAN PELUANG PERNIAGAAN SERTA PEKERJAAN YANG **BANYAK**.

SAMPAH SARAP YANG DIBUANG SEBANYAK 0.7 KG SEORANG SEHARI ATAUPUN 10,500 TAN SEHARI **DI** SELURUH **NEGARA**, BOLEH MEWUJUDKAN SEBUAH INDUSTRI PENGGUNAAN SEMULA ATAU **+RECYCLING INDUSTRY+** YANG **MENGUNTUNGAN**, JELAS BELIAU.

MENURUT **PERDANA** MENTERI, ADALAH DIANGGARKAN BARANG-BARANG YANG DIBUANG SEPERTI **LOGAM**, **KACA**, KERTAS DAN CAIN-LAIN **LAGI** SEKIRANYA **DIPROSES** DAN DIGUNAKAN SEMULA AKAN DAPAT MENYEDIAKAN PELUANG PERNIAGAAN YANG MELIBATKAN LEBIH \$1,000 **JUTA** SETAHUN.

SELAIN **DARIPADA** **ITU**, **KATANYA**, SISTEM PEMPROSESAN SEMULA **ITU** **JUGA** BOLEH MENGURANGKAN **KOS** BERBAGAI-BAGAI **JENIS** BARANG. -- LAGI

D540

R B 5 2 4 BAH
MAHATHIR - KOTOR 4 IPOH

KATANYA, SALAH SATU DARIPADA KEGIATAN PROGRAM BERSIH DAN INDAH MELIBATKAN KEHPEN NASIONAL HENGENAI PENGGUNAAN SEHULA BARANG-BARANG LOGAM YANG TERBUANG SEPERTI BAHAGIAN-BAHAGIAN KERETA, BOTOL, KERTAS, ALUMINIUM, KAYU DAN BAHAN-BAHAN LAIN.

DI BAWAH PROGRAM INI, MEREKA YANG MEMPUNYAI KERETA DAN BARANG-BARANG BESI TERBIAR BOLEH HENJUALNYA KEPADA KILANG-KILANG BESI WAJA, SEPERTI SYARIKAT PERWAJA DI TERENGGANU, KATANYA.

SEKIRANYA KEMPEN INI BERJAYA, IA PASTI DAPAT MEHBANTU BUKAN SAHAJA SYARIKAT PERWAJA BAGI MENDAPATKAN BEKALAN BESI YANG MENCUKUPI, TETAPI JUGA HENJIMATKAN BERATUS-RATUS JUTA RINGGIT MATAWANG ASING UNTUK MEHBELI +SCRAP IRON+ DARI LUAR DI SAMPING MEWUJUDKAN PELUANG PERNIAGAAN DAN PENDAPATAN KEPADA RAKYAT.

DALAH KEADAAN TERTENTU, SAMPAH JUGA BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI BAHANAPI UNTUK MENJANAKUASAKAN ELEKTRIK, TAMBAHNYA.

SURI RUMAH JUGA DIGALAKKAN SUPAYA MENGASINGKAN BAHAN-BAHAN YANG BOLEH DIPROSES SEHULA DARIPADA SAMPAH LAIN SEPERTI YANG DILAKUKAN DI NEGARA-NEGARA MAJU DI MANA BAHAN TERBUANG YANG TIDAK DIASINGKAN TIDAK AKAN DIPUNGUT. -- LAGI

1221MST 24 06 90

D543

R B 5 2 6 BAH
MAHATHIR - KOTOR 5 IPOH

PROGRAM INI JUGA BOLEH MENINGKATKAN PERMINTAAN TERHADAP BARANG-BARANG BERKAITAN DENGAN KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN SEPERTI KARUNG PLASTIK, TONG SAMPAH, MESIN PEHOTONG RUMPUT, SERTA KHIDMAT YANG DISEDIAKAN OLEH KILANG RAWATAN SISA-SISA PEPEJAL DAN SECARA LANGSUNG MENAMBAH PELUANG PERNIAGAAN DAN PEKERJAAN DI SAHPING MENURUNKAN KOS SARA HIDUP, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN JUGA BOLEH MEMBERI SUHBANGAN BESAR KEPADA PERTUHBUNGAN INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA DARIPADA SEGI PENGALIRAN MASUK MATAWANG ASING KE NEGARA INI.

+SAYA PERCAYA DENGAN ADANYA PENGLIBATAN SEHUA PIHAK, SEGALA USAHA YANG TELAH KITA LAKUKAN UNTUK MENJADIKAN NEGARA KITA SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN YANG TERKENAL AKAN MENJADI KENYATAAN DALAH MASA YANG SINGKAT, +TEGASNYA

+KITA TELAH BANYAK BERBELANJA UNTUK MENGIKLANKAN NEGARA KITA DI LUAR NEGERI BAGI MENARIK PELANCONG. KITA TIDAK MAHU PARA PELANCONG YANG DATANG HERASAI BAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG INDAH KHABAR DARIPADA RUPA, +UJARNYA.

SEKIRANYA IKLAN-IKLAN ITU HENYATAKAN BAHAWA NEGARA INI BERSIH DAN INDAH, MAKA ITULAH GAHBARAN YANG PERLU DIPERLIHATKAN KEPADA PARA TETAMU LUAR NEGERI SEMASA MEREKA BERADA DI MALAYSIA, JELASNYA. -- LAGI

1251MST 24 06 90

D546

R 8529 BAH

MAHATHIR - KOTOR 6 IPOH

PERDANA MENTERI MAHUKAN KEBERSIHAN MENJADI BUDAYA BANGSA MALAYSIA DAN UNTUK MENCAPAI TUJUAN ITU, SEMUA PERINGKAT PEMIMPIN, TERUTAMA IBU BAPA DI RUMAH, GURU-GURU DI SEKOLAH DAN KETUA-KETUA DI TEMPAT KERJA, PERLU MEMAINKAN PERANAN MEREKA MENYEMAIKAN SEMANGAT SUKAKAN KEBERSIHAN SEHINGGA RAKYAT JIJIK DENGAN SEBARANG KEKOTORAN DAN AMALAN YANG KOTOR.

SEMPENA PELANCARAN ITU, YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 101000 ORANG, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN POSTER KEPADA EMPAT WAKIL PENJAJA DAN PERSATUAN SEBELUM MELAWAT PAMERAN PROGRAM BERSIH DAN INDAH.

BELIAU DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI KEMUDIAN DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR TAN SRI RAMLI NGAH TALIB DAN DATUK BANDAR DATUK HAJI UMAR ABU MENIKMATI JAMUAN TEH DI TAMAN BUNGA KERTAS BERSEBELAHAN DEWAN BANDARAYA IPOH.

TAMAN SELUAS 1.2 HEKTAR ITU DIMAJUKAN DENGAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT SEBANYAK \$200,000. -- BERNAMA

1256MST 24 06 90